The cuts of aluminium sheets can be formed into an open cylinder at both ends in two different ways. When Atan completed his task, his brother has chosen the last sheet to form a cylinder with maximum volume.


By calculation, suggest the cylinder that fulfils the condition.

Calon perlu membuat justifikasi pemilihan silinder berdasarkan pengiraan isi padu.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi


$$T_{12} = 60 + 71(20)$$
$$= 1480$$

Let h be height of cylinder,



$2\pi r = 1480$
 $r = \frac{1480}{2\pi}$

When $h=500$, $V_1 = \pi r^2 h$
 $= \pi r^2 (500)$
 $= \pi \left(\frac{740}{\pi}\right)^2 (500)$
 $= \frac{273800000}{\pi}$



$2\pi r = 500$
 $r = \frac{250}{\pi}$

When $h=1480$, $V_2 = \pi r^2 h$
 $= \pi \left(\frac{250}{\pi}\right)^2 (1480)$
 $= \frac{92500000}{\pi}$

$\therefore V_1 > V_2$
 \therefore cylinder with height 500mm fulfils the condition

Calon berjaya menentukan panjang kepingan terakhir dan seterusnya mencari isi padu dengan membina dua silinder yang berlainan jejari. Berdasarkan isi padu yang diperolehi, calon berupaya membuat keputusan dengan justifikasi pemilihan silinder.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned}T_{72} &= 60 + (71)(20) \\ &= 1480 \text{ mm}\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}2\pi r &= 1480 \\ r &= 235.5493\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Volume} &= \pi r^2 h \\ &= \pi (235.5493)^2 (500) \\ &= 87153246.84 \text{ mm}^3\end{aligned}$$

Calon berjaya menentukan panjang kepingan terakhir tetapi hanya mencari isi padu sebuah silinder sahaja.

Soalan 11 (a)(i): Pilihatur

(a) Rajah 8 menunjukkan enam keping kad nombor.

Diagram 8 shows six numbered cards.



Rajah 8
Diagram 8

(i) Cari bilangan cara berlainan untuk menyusun semua kad dalam satu baris.

Find the number of different ways to arrange all the cards in a row.

Calon perlu menentukan bilangan cara susunan 6 kad yang berlainan dalam satu baris.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$${}^6P_6 = 720$$

Calon dapat memberi jawapan yang tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} & 6! \\ & = 720 \end{aligned}$$

Calon dapat memberi jawapan yang betul.

Soalan 11 (a)(ii): Pilihatur

- (ii) Empat kad akan disusun untuk membentuk suatu pecahan wajar dengan keadaan kad-kad nombor genap disusun bersebelahan.

Cari bilangan pecahan wajar berbeza yang boleh dibentuk.

Four cards are to be arranged to form a proper fraction such that the even number cards are arranged side by side.

Find the number of different proper fractions that can be formed.

Calon perlu menyelesaikan masalah yang melibatkan pilihatur dengan syarat tertentu.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} & \frac{\boxed{2} \boxed{6}}{\boxed{3p_1} \boxed{3p_1}} + \frac{\boxed{6} \boxed{2}}{\boxed{3p_1} \boxed{3p_1}} + \frac{\boxed{3p_1} \boxed{3p_1}}{\boxed{6} \boxed{2}} + \frac{\boxed{1p_1} \boxed{3p_1}}{\boxed{2} \boxed{6}} + \frac{\boxed{4p_1}}{\boxed{2} \boxed{6} \boxed{3p_1}} + \\ & \frac{\boxed{4p_1}}{\boxed{3p_1} \boxed{2} \boxed{6}} + \frac{\boxed{4p_1}}{\boxed{6} \boxed{2} \boxed{3p_1}} + \frac{\boxed{4p_1}}{\boxed{3p_1} \boxed{6} \boxed{2}} \\ & = [3p_1 \times 3p_1] + [2p_1 \times 3p_1] + [2p_1 \times 3p_1] + [1p_1 \times 3p_1] + [4p_1 \times 3p_1] + [4p_1 \times 3p_1] + \\ & \quad [4p_1 \times 3p_1] + [4p_1 \times 3p_1] \\ & = (3 \times 3) + (2 \times 3) + (2 \times 3) + (1 \times 3) + (4 \times 3) + (4 \times 3) + \\ & \quad (4 \times 3) + (4 \times 3) \\ & = 9 + 6 + 6 + 3 + 12 + 12 + 12 + 12 \\ & = 72 \# \end{aligned}$$

Calon mampu menyenaraikan lapan kombinasi pecahan wajar yang memenuhi syarat soalan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} \text{(ii) cara genap di penyebut} &= {}^2P_2 \times {}^4P_2 & \text{cara genap di penyebut} &= {}^2P_2 \times {}^2P_2 \\ &= 2 \times 12 & &= 2 \times 2 \\ &= 24 \text{ cara} & &= 4 \text{ cara} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah nombor} &= 24 + 24 \\ &= 48 \text{ cara.} \end{aligned}$$

Calon hanya mampu menyenaraikan sebahagian daripada lapan kombinasi pecahan wajar yang memenuhi syarat soalan.

Soalan 11 (b)(i): Gabungan

11 (b) (i) Gabungan n objek daripada m objek berlainan diberi oleh mC_n .

Nyatakan nilai minimum bagi n .

The combination of n object from m different objects is given by mC_n .

State the minimum value of n .

Calon perlu menentukan nilai minimum n berdasarkan pengetahuan mengenai mC_n .

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$n > 0$$

Calon dapat menyatakan nilai minimum n .

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$${}^mC_n \quad n = 1$$

Calon tidak berupaya menyatakan nilai minimum n .

Soalan 11 (b)(ii): Gabungan

- (ii) Sarra membeli sekotak pensel warna yang mengandungi p batang pensel yang berlainan warna.

Diberi bahawa bilangan cara berlainan bagi Sarra memilih 3 batang pensel daripada kotak itu ialah $26(p-2)$, cari nilai p .

Sarra bought a box of coloured pencil that contains p number of different coloured pencils.

Given that the number of different ways for Sarra to choose 3 pencils from the box is $26(p-2)$, find the value of p .

Calon perlu menentukan nilai bagi suatu pemalar berdasarkan maklumat soalan tentang bilangan gabungan r objek dipilih daripada n objek yang berbeza.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{ii) } \quad {}^p C_3 &= 26(p-2) \\ \frac{p!}{(p-3)! \cdot 3!} &= 26(p-2) \\ \frac{p!}{(p-3)!} &= 156(p-2) \\ \frac{p(p-1)(\cancel{p-2})(\cancel{p-3})!}{(\cancel{p-3})!} &= 156(p-2) \\ p^2 - p - 156 &= 0 \\ (p-13)(p+12) &= 0 \\ p=13 \quad p=-12 & \\ & \text{ataikar} \end{aligned}$$

Calon dapat menentukan nilai pemalar p dengan menggunakan rumus ${}^n C_r$, serta menyelesaikan persamaan kuadratik dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$${}^p C_3 = 26(p-2)$$

$$\frac{p!}{(p-3)!3!} = 26(p-2)$$

$$p(p-2) = 156(p-2)$$

$$p = 156$$

Calon dapat menggunakan rumus ${}^n C_r$, tetapi gagal menyelesaikan persamaan yang melibatkan faktorial.

Soalan 12 (a): Taburan Kebarangkalian (Taburan Binomial)

- 12 Pemboleh ubah rawak, X , mempunyai suatu taburan binomial dengan 5 cubaan dengan keadaan kebarangkalian kejayaan dalam setiap cubaan ialah p dan kebarangkalian kegagalan dalam setiap cubaan ialah q . Jadual 1 menunjukkan sebahagian daripada taburan kebarangkalian bagi X .

A random variable, X , has a binomial distribution with 5 trials such that the probability of success in each trial is p and the probability of failure in each trial is q . Table 1 shows parts of the probability distribution of X .

X	0	1	2	3	4	5
$P(X = x)$	$\frac{81}{128}$				$\frac{1}{64}$	

Jadual 1

Table 1

- (a) Nyatakan nilai $P(X = 2) + P(X = 3)$ dalam bentuk pecahan.

State the value of $P(X = 2) + P(X = 3)$ in fraction form.

Calon perlu menentukan nilai kebarangkalian taburan binomial berdasarkan maklumat yang diberi dalam jadual.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned}P(X=2) + P(X=3) &= 1 - \frac{81}{128} - \frac{1}{64} \\ &= \frac{45}{128}\end{aligned}$$

Calon mengetahui nilai jumlah kebarangkalian ialah 1 dan seterusnya dapat menjawab dengan tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned}a) \quad n &= 5 \\ X &= 2 \\ p &= \\ q &= \\ P(X=2) + P(X=3) &= {}^n C_r p^r q^{n-r} + {}^n C_r p^r q^{n-r} \\ &= {}^5 C_2 p^2 q^{5-2} + {}^5 C_3 p^3 q^{5-3} \\ &= {}^5 C_2 p^2 q^3 + {}^5 C_3 p^3 q^2\end{aligned}$$

Calon tidak mengetahui nilai jumlah kebarangkalian ialah 1.

Soalan 12 (b): Taburan Kebarangkalian (Taburan Binomial)

(b) Seterusnya, tunjukkan bahawa $p = \frac{3}{16q}$.

Hence, show that $p = \frac{3}{16q}$.

Calon perlu menunjukkan $p = \frac{3}{16q}$ dengan menggunakan jawapan yang diperoleh di bahagian (a).

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} {}^5C_2 p^2 q^3 + {}^5C_3 p^3 q^2 &= \frac{45}{128} \\ 10 p^2 q^3 + 10 p^3 q^2 &= \frac{45}{128} \\ 10 p^2 q^2 (q+p) &= \frac{45}{128} \\ 10 p^2 q^2 (1) &= \frac{45}{128} \\ p^2 q^2 &= \frac{9}{256} \\ p^2 &= \frac{9}{256 q^2} \\ p &= \frac{3}{16q} \end{aligned}$$

Calon dapat membuat pembuktian dengan betul melalui penggunaan rumus ${}^n C_r p^r q^{n-r}$ dan $p + q = 1$ berdasarkan jawapan di bahagian (a).

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} (a) P(X=2) + P(X=3) &= \frac{45}{128} \\ (b) P(X=0) + P(X=1) &= \frac{81}{128} \\ {}^5C_0 (p)^0 (q)^5 + {}^5C_1 (p)^1 (q)^4 &= \frac{81}{128} \\ q^5 + 5(p)(q)^4 &= \frac{81}{128} \\ 5p + 5q^4 &= \frac{81}{128} \\ 5(p+q^4) &= \frac{81}{128} \\ p+q^4 &= \frac{81}{640} \end{aligned}$$

Calon kurang peka terhadap perkataan 'seterusnya' yang mengakibatkan calon tidak dapat membuat pembuktian dengan betul kerana tidak menggunakan penyelesaian di bahagian (a).

2.3 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN A

2.3.1 Calon

- a) Membuat banyak latihan untuk menguasai kemahiran dan konsep Matematik.
- b) Peka dengan format soalan SPM terkini yang cenderung kepada soalan berbentuk kehidupan seharian dan konsep asas.
- c) Membuat persediaan yang secukupnya.
- d) Menunjukkan jalan kerja yang sistematik dan lengkap semasa membuat latihan supaya mahir dengan jalan kerja yang betul semasa peperiksaan sebenar.
- e) Menggunakan nombor perpuluhan betul kepada sekurang-kurangnya 4 angka bererti dalam langkah kerja.
- f) Jawapan akhir yang diberikan mestilah dalam bentuk yang paling ringkas atau betul kepada sekurang-kurangnya 4 angka bererti dan 2 tempat perpuluhan bagi sudut dalam darjah.
- g) Peka dengan cara penulisan jawapan yang melibatkan unit masa (jam:minit:saat) dan wang (2 tempat perpuluhan bagi jumlah wang yang melibatkan ringgit dan sen, contoh: RM345.78).
- h) Merujuk kepada senarai rumus yang diberikan.
- i) Membaca soalan dengan teliti dan memahami kehendak soalan. Gariskan maklumat penting supaya tidak tertinggal sebarang maklumat ketika menyelesaikan masalah.
- j) Peka kepada perkataan '**seterusnya**' yang menghendaki calon menggunakan jawapan penyelesaian di bahagian sebelumnya.
- k) Menunjukkan semua langkah kerja dan penyelesaian dengan jelas, tersusun dan sistematik dalam ruang kerja yang disediakan. Sekiranya terdapat ceraiian soalan, tulis penyelesaian ceraiian (a), (b) dan (c) dengan jelas.

2.3.2 Guru

- a) Menitikberatkan pengenalan dan pengukuhan konsep asas semasa sesi pembelajaran dan pengajaran (PdP).
- b) Membimbing murid mencuba soalan berbentuk bukan rutin dan soalan KBAT dalam buku teks.
- c) Mengajar semua topik seperti yang terkandung dalam DSKP.
- d) Melatih dan menitikberatkan kepentingan untuk menunjuk langkah kerja yang lengkap, teratur dan sistematik dalam penyelesaian.
- e) Menegaskan penggunaan nombor perpuluhan betul kepada 4 angka bererti dalam langkah kerja dan 2 tempat perpuluhan bagi sudut dalam darjah.
- f) Menegaskan kaedah penulisan yang betul jika melibatkan unit masa (jam:minit:saat) dan wang (2 tempat perpuluhan bagi jumlah wang yang melibatkan ringgit dan sen, contoh: RM345.78).
- g) Membimbing murid untuk menguasai teknik menjawab dengan cekap dan tepat, membina kemahiran menggunakan maklumat daripada rajah dalam soalan untuk menyelesaikan masalah dan memberi panduan kepada murid untuk mentafsirkan soalan-soalan berbentuk ayat.
- h) Mengenal pasti kelemahan murid menerusi analisis item supaya program pengukuhan dan pemulihan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.
- i) Menyediakan soalan latihan tubi yang bersesuaian mengikut tahap penguasaan murid.
- j) Melatih murid membuat justifikasi dengan berdasarkan pengiraan yang diperoleh.

2.4 PRESTASI CALON BAHAGIAN B

2.4.1 Prestasi Keseluruhan

Prestasi keseluruhan calon adalah sederhana. Kebanyakan calon berprestasi tinggi berjaya menjawab ketiga-tiga soalan dengan lengkap walaupun calon hanya perlu menjawab dua soalan sahaja. Bagi calon berprestasi sederhana, majoriti menjawab dua soalan mengikut arahan soalan. Walau bagaimanapun, mereka memberi respons yang kurang tepat bagi soalan bukan rutin. Bagi calon berprestasi rendah, kebanyakan mereka hanya dapat menjawab soalan rutin yang paling asas sahaja. Majoriti calon tidak cuba menjawab soalan bukan rutin.

2.4.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Prestasi Tinggi

Secara keseluruhan, calon menguasai konsep matematik yang diuji dengan baik. Calon dapat mengenal pasti kaedah penyelesaian masalah untuk mendapatkan jawapan yang lengkap, tepat dan jitu. Mereka dapat mentafsir maklumat daripada rajah yang diberi dengan tepat. Penyampaian dan penyusunan langkah kerja calon adalah teratur serta sistematik dengan penggunaan kaedah dan rumus yang betul.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon menguasai konsep matematik dengan baik untuk soalan rutin. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan bukan rutin. Mereka memahami kehendak tugas tetapi tidak menunjukkan langkah kerja yang tepat. Mereka kerap melakukan kesilapan semasa pengiraan dan penggantian. Kebanyakan calon hanya menjawab sebahagian daripada ceraian soalan.

2.5 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

Soalan 13 (a): Fungsi

13 Diberi bahawa $f(x) = \frac{3}{4x-1}$, $x \neq \frac{1}{4}$ dan $fg(x) = \frac{3}{4x^2+3}$.

It is given that $f(x) = \frac{3}{4x-1}$, $x \neq \frac{1}{4}$ and $fg(x) = \frac{3}{4x^2+3}$.

(a) Cari objek bagi $f(x)$ jika imejnya ialah $\frac{1}{3}$.

Find the object of $f(x)$ if the image is $\frac{1}{3}$.

Calon perlu menentukan objek bagi suatu fungsi dengan imej yang diberi.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{(a)} \quad f(x) &= \frac{1}{3} \\ \frac{3}{4x-1} &= \frac{1}{3} \\ 4x-1 &= 9 \\ 4x &= 10 \\ x &= \frac{5}{2} \end{aligned}$$

Calon dapat menentukan objek berdasarkan imej yang diberi.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} \text{a)} \quad f(x) &= \frac{3}{4x-1} & f g(x) &= \frac{3}{4x^2+3} \\ f(x) &= \frac{3}{4\left(\frac{1}{3}\right)-1} \\ f(x) &= 9 \quad * \end{aligned}$$

Calon tidak dapat membezakan imej dan objek.

Soalan 13 (b): Fungsi

(b) Ungkapkan m dalam sebutan p jika $f(m+1) = 3fg(p)$.

Express m in terms of p if $f(m+1) = 3fg(p)$.

Calon perlu mengungkapkan sebutan m dalam sebutan p menggunakan fungsi-fungsi yang diberi.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{(b)} \quad f(m+1) &= 3fg(p) \\ \frac{3}{4(m+1)-1} &= 3 \times \frac{3}{4p^2+3} \\ \frac{1}{4m+3} &= \frac{3}{4p^2+3} \\ 12m+9 &= 4p^2+3 \\ 12m &= 4p^2-6 \\ m &= \frac{1}{3}p^2 - \frac{1}{2} \end{aligned}$$

Calon berjaya mengungkapkan m dalam sebutan p dengan betul.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} 13(b) \quad f(m+1) &= 3fg(p) \\ \frac{3}{4(m+1)-1} &= 3 \frac{3}{4p^2+3} \\ \frac{3}{4m+4-1} &= \frac{9}{4p^2+3} \\ \frac{3}{4m+3} &= \frac{9}{4p^2+3} \\ 36m+27 &= 12p^2+9 \\ m &= \frac{12p^2-18}{36} \end{aligned}$$

Calon berjaya mengungkapkan m dalam sebutan p dengan betul tetapi tidak menulis jawapan akhir dalam bentuk pecahan termudah.

Soalan 13 (c)(i): Fungsi

- (c) (i) Cari $g(x)$.
Find $g(x)$.

Calon perlu menentukan fungsi $g(x)$ dari fungsi gubahan $fg(x)$ yang diberi.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{c) ;)} \quad f(x) &= \frac{3}{4x-1} \\ fg(x) &= \frac{3}{4g(x)-1} \\ \frac{3}{4x^2+3} &= \frac{3}{4g(x)-1} \\ 4x^2+3 &= 4g(x)-1 \\ 4g(x) &= 4x^2+4 \\ \therefore g(x) &= x^2+1 \end{aligned}$$

Calon berjaya mencari fungsi $g(x)$ dengan menggunakan kaedah yang betul.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} \text{c) } \frac{3}{4[g(x)]-1} &= \frac{3}{4x^2+3} \\ 3 &= \frac{3}{4x^2+3} \times 4[g(x)]-1 \\ \frac{12x^2+9}{3} &= 4[g(x)]-1 \\ \frac{12x^2+9}{3}+1 &= 4[g(x)] \\ \frac{12x^2+11}{3} &= 4[g(x)] \\ \frac{12x^2+11}{12} &= g(x) \quad \text{@ } g(x) = \frac{12x^2+11}{12} \end{aligned}$$

Calon tidak berjaya mencari fungsi $g(x)$ walaupun telah menggunakan kaedah yang betul kerana kecuaiian yang dilakukan semasa pengiraan.

Soalan 13 (c)(ii): Fungsi

(ii) Seterusnya, tentukan sama ada fungsi songsang bagi $g(x)$ wujud atau tidak.

Berikan justifikasi anda.

Hence, determine whether the inverse function of $g(x)$ is exist or not.

Give your justification.

Calon perlu menentukan sama ada fungsi songsang daripada bahagian (c) (i) wujud atau tidak dengan justifikasi.


Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\text{(i) when } x=2, g(x)=x^2+1 \\ =5$$

$$\text{when } x=-2, g(x)=(-2)^2+1 \\ =5$$

$\therefore g(x)$ is a many-to-one relation

$g(x)$ will not have inverse function



Calon dapat menunjukkan dengan jelas bahawa hubungan itu bukan fungsi dengan menggunakan ujian garis mengufuk dan memberi justifikasi yang tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\text{ii. let } y = g(x),$$

$$y = x^2 + 1$$

$$y - 1 = x^2$$

$$x = \sqrt{y-1}$$

$$g^{-1}(y) = \sqrt{y-1}$$

$$g^{-1}(x) = \sqrt{x-1}$$


the inverse function of $g(x)$ only exists for $x \geq 1$

Calon tidak dapat memberi justifikasi yang tepat kerana tidak menunjukkan pengiraan yang lengkap (tidak meletakkan simbol positif dan negatif bagi punca kuasa dua).

Soalan 14 (a): Indeks

(a) Rajah 9 menunjukkan sebuah segi tiga.

Diagram 9 shows a triangle.



Rajah 9
Diagram 9

Cari nilai x .

Find the value of x .

Calon perlu menentukan nilai x melalui pengiraan yang melibatkan Teorem Pythagoras dan hukum indeks.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{(a)} \quad (\sqrt{2^x})^2 + (2^{x+1})^2 &= [3\sqrt{2}]^2 \\ 2^x + 2^{2x+2} &= 18 \\ 2^x + (2^x)^2(2^2) &= 18 \\ 4(2^x)^2 + (2^x) - 18 &= 0 \\ \text{Let } y &= 2^x \\ 4y^2 + y - 18 &= 0 \\ (4y+9)(y-2) &= 0 \\ y = -\frac{9}{4}, y = 2 \\ \text{(rejected)} \\ 2^x &= 2^1 \\ x &= 1 \end{aligned}$$

Calon dapat menggunakan Teorem Pythagoras untuk menyelesaikan soalan. Seterusnya, calon dapat mencari nilai x dengan menggunakan hukum indeks dan menyelesaikan persamaan kuadratik dengan betul.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$(a) (2^{x+1})^2 + (\sqrt{2^x})^2 = (3\sqrt{2})^2$$

$$2^{2x+2} + 2^x = 18$$

$$2^{x+2} + 2^x = 2^4 + 2^1$$

$$(x+2) + x = 4+1$$

$$2x+2 = 5$$

$$2x = 3$$


$$x = 1.5$$

Calon dapat menggunakan Teorem Pythagoras dengan betul tetapi tidak dapat mengaplikasikan hukum indeks dengan tepat.

Soalan 14 (b): Surd

(b) Rajah 10 menunjukkan sebuah trapezium.

Diagram 10 shows a trapezium.



Rajah 10
Diagram 10

Diberi bahawa luas trapezium ialah $9(\sqrt{7}-1)$ cm², ungkapkan t dalam bentuk $p+q\sqrt{7}$, dengan keadaan p dan q ialah pemalar.

Given that the area of trapezium is $9(\sqrt{7}-1)$ cm², express t in the form $p+q\sqrt{7}$, such that p and q are constants.

Calon perlu mengungkapkan tinggi suatu trapezium yang diberi dalam bentuk surd.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} (b) \quad \frac{1}{2}(5+\sqrt{7})t &= 9(\sqrt{7}-1) \\ t &= \frac{18(\sqrt{7}-1)}{(5+\sqrt{7})} \times \frac{(5-\sqrt{7})}{(5-\sqrt{7})} \\ &= \frac{18(5\sqrt{7}-7-5+\sqrt{7})}{25-7} \\ &= \frac{18}{18}(-12+6\sqrt{7}) \\ t &= -12+6\sqrt{7} \end{aligned}$$

Calon menggunakan rumus trapezium dengan betul. Seterusnya, calon boleh menisbahkan penyebutnya dengan **surd konjugat** dan menunjukkan **pendaraban setiap sebutan** dengan jelas dan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$b). \frac{1}{2} \times (5 + \sqrt{7}) \times t = \frac{(5 + \sqrt{7})t}{2}$$

$$\frac{(5 + \sqrt{7})t}{2} = 9(\sqrt{7} - 1)$$

$$(5 + \sqrt{7})t = 18(\sqrt{7} - 1)$$

$$t = \frac{18\sqrt{7} - 18}{5 + \sqrt{7}}$$

$$t = \frac{18\sqrt{7} - 18}{5 + \sqrt{7}} \times \frac{5 - \sqrt{7}}{5 - \sqrt{7}}$$

$$t = -12 + 6\sqrt{7}$$

Calon menggunakan rumus trapezium dengan betul. Seterusnya, calon boleh menisbahkan penyebutnya dengan surd konjugat tetapi tidak menunjukkan pendaraban setiap sebutan.


Soalan 15 (a): Fungsi Trigonometri

- (a) Diberi bahawa $\sin x = t$, dengan keadaan x ialah sudut tirus, ungkapkan $\sin 2x$ dalam sebutan t .

Given that $\sin x = t$, such that x is an acute angle, express $\sin 2x$ in terms of t .

Calon perlu mengungkapkan $\sin 2x$ dalam sebutan t berdasarkan maklumat $\sin x = t$ yang diberi.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(a) 

$$\begin{aligned}\sin 2x &= 2 \sin x \cos x \\ &= 2t \left(\frac{\sqrt{1-t^2}}{1} \right) \\ &= 2t\sqrt{1-t^2}\end{aligned}$$

Calon menggunakan nisbah Trigonometri, Teorem Pythagoras dan rumus sudut berganda dengan betul.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(a) $\sin 2x = 2 \sin x \cos x$
 $\sin 2x = 2t \cos x$

Calon hanya boleh menggunakan rumus sudut berganda tetapi tidak mengaitkan dengan nisbah Trigonometri dan Teorem Pythagoras.

Soalan 15 (b): Fungsi Trigonometri

(b) Diberi bahawa $\cos \theta = k$ untuk $270^\circ < \theta < 360^\circ$, ungkapkan $\cos \frac{1}{2}\theta$ dalam sebutan k .

Given that $\cos \theta = k$ for $270^\circ < \theta < 360^\circ$, express $\cos \frac{1}{2}\theta$ in terms of k .

Calon perlu mengungkapkan $\cos \frac{1}{2}\theta$ dalam sebutan k berdasarkan maklumat $\cos \theta = k$.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{(b)} \quad \cos \theta &= 2 \cos^2 \frac{\theta}{2} - 1 \\ 2 \cos^2 \frac{\theta}{2} - 1 &= k \\ 2 \cos^2 \frac{\theta}{2} &= k + 1 \\ \cos^2 \frac{\theta}{2} &= \frac{k+1}{2} \end{aligned} \quad \left| \quad \begin{aligned} \cos \frac{\theta}{2} &= \pm \sqrt{\frac{k+1}{2}} \\ \text{Since } \frac{\theta}{2} &\text{ is not at} \\ &\text{quadrant 1 and} \\ &\text{quadrant 4,} \\ \text{hence} \\ \cos \frac{\theta}{2} &= -\sqrt{\frac{k+1}{2}} \end{aligned}$$

Calon berupaya menggunakan rumus sudut separuh dan menentukan kedudukan sudut pada sukuan yang betul dalam penyelesaian.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} \text{b)} \quad \cos \theta &= k \\ \cos \frac{\theta}{2} &= \sqrt{\frac{1 + \cos \theta}{2}} \\ &= \sqrt{\frac{1 + k}{2}} \end{aligned}$$

Calon tidak menulis rumus sudut separuh dengan lengkap (perlu simbol positif dan negatif).

Soalan 15 (c): Fungsi Trigonometri

(c) Cari nilai $\tan 22.5^\circ$ dalam bentuk surd.

Find the value of $\tan 22.5^\circ$ in surd form.

Calon perlu menentukan nilai $\tan 22.5^\circ$ dalam bentuk surd.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$(c) \tan 45 = 1$$

$$\tan 2(22.5) = \frac{2 \tan 22.5}{1 - \tan^2 22.5}$$

$$\frac{2 \tan 22.5}{1 - \tan^2 22.5} = 1$$

$$2 \tan 22.5 = 1 - \tan^2 22.5$$

$$\tan^2 22.5 + 2 \tan 22.5 - 1 = 0$$

$$\frac{-2 \pm \sqrt{4 - 4(1)(-1)}}{2(1)}$$

$$= \frac{-2 + \sqrt{8}}{2}$$

$$\text{or } \frac{-2 - \sqrt{8}}{2}$$

$$= \frac{-2 + 2\sqrt{2}}{2}$$

$$= \frac{-2 - 2\sqrt{2}}{2}$$

$$= -1 + \sqrt{2}$$

$$= -1 - \sqrt{2}$$

$$\tan 22.5 = -1 + \sqrt{2}$$

$$\text{or } \tan 22.5 = -1 - \sqrt{2} \\ (\text{reject})$$

Calon berupaya mengaplikasikan rumus sudut berganda $\tan 2A$ dengan betul. Calon boleh menyelesaikan persamaan kuadratik dan menentukan kedudukan sudut pada sukuan yang betul.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} \text{(c) } \tan 45^\circ &= 1 \\ &= \frac{2 \tan 22.5^\circ}{1 - \tan^2 22.5^\circ} \\ 1 - \tan^2 22.5^\circ &= 2 \tan 22.5^\circ \\ \tan^2 22.5^\circ + 2 \tan 22.5^\circ - 1 &= 0 \\ \tan 22.5^\circ &= \frac{-2 \pm \sqrt{4 - 4(-1)}}{2} \\ &= \frac{-2 \pm 2\sqrt{2}}{2} \\ &= -1 \pm \sqrt{2} \\ \text{or } \tan 22.5^\circ &= \frac{-2 - \sqrt{8}}{2} \\ &= -1 - \sqrt{2} \end{aligned}$$

Calon berupaya mengaplikasikan rumus sudut berganda $\tan 2A$ dengan betul. Calon boleh menyelesaikan persamaan kuadratik tetapi tidak menyatakan kedudukan sudut pada sukuan dengan betul.

2.6 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN B

2.6.1 Calon

- a) Menjawab soalan yang boleh menjamin pemerolehan markah yang maksimum dan bukannya mengikut urutan nombor soalan.
- b) Membuat banyak latihan untuk menguasai kemahiran dan konsep Matematik.
- c) Peka dengan format soalan SPM terkini yang cenderung kepada soalan berbentuk kehidupan seharian dan konsep asas.
- d) Membuat persediaan yang secukupnya.
- e) Menunjukkan jalan kerja yang sistematik dan lengkap semasa membuat latihan supaya mahir dengan jalan kerja yang betul semasa peperiksaan sebenar.
- f) Sepanjang proses pengiraan calon tidak digalakkan membuat perbundaran nombor perpuluhan. Calon hendaklah menggunakan nombor perpuluhan betul kepada sekurang-kurangnya 4 angka bererti dalam langkah kerja.
- g) Jawapan akhir yang diberikan mestilah dalam bentuk yang paling ringkas atau betul kepada sekurang-kurangnya 4 angka bererti dan 2 tempat perpuluhan bagi sudut dalam darjah.
- h) Peka dengan cara penulisan jawapan yang melibatkan unit masa (jam:minit:saat) dan wang (2 tempat perpuluhan bagi jumlah wang yang melibatkan ringgit dan sen, contoh: RM345.78).
- i) Merujuk kepada senarai rumus yang diberikan.
- j) Membaca soalan dengan teliti dan memahami kehendak soalan. Gariskan maklumat penting supaya tidak tertinggal sebarang maklumat ketika menyelesaikan masalah.
- k) Peka kepada perkataan '**seterusnya**', iaitu calon perlu menggunakan jawapan penyelesaian di bahagian sebelumnya.
- l) Menunjukkan semua langkah kerja dan penyelesaian dengan jelas, tersusun dan sistematik dalam ruang kerja yang disediakan. Sekiranya terdapat ceraian soalan, tulis penyelesaian ceraian (a), (b) dan (c) dengan jelas.

2.6.2 Guru

- a) Menitikberatkan pengenalan dan pengukuhan konsep asas semasa PdP.
- b) Membimbing murid mencuba soalan berbentuk bukan rutin dan soalan KBAT dalam buku teks.
- c) Mengajar semua topik seperti yang terkandung dalam DSKP.
- d) Melatih dan menitikberatkan kepentingan untuk menunjuk langkah kerja yang lengkap, teratur dan sistematik dalam penyelesaian.
- e) Menegaskan penggunaan nombor perpuluhan betul kepada 4 angka bererti dalam langkah kerja dan 2 tempat perpuluhan bagi sudut dalam darjah.
- f) Menegaskan kaedah penulisan yang betul jika melibatkan unit masa (jam:minit:saat) dan wang (2 tempat perpuluhan bagi jumlah wang yang melibatkan ringgit dan sen, contoh: RM345.78).
- g) Membimbing murid untuk menguasai teknik menjawab dengan cekap dan tepat, membina kemahiran menggunakan maklumat daripada rajah dalam soalan untuk menyelesaikan masalah dan memberi panduan kepada murid untuk mentafsirkan soalan-soalan berbentuk ayat.
- h) Mengenal pasti kelemahan murid menerusi analisis item supaya program pengukuhan dan pemulihan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.
- i) Menyediakan soalan latihan tubi yang bersesuaian mengikut tahap penguasaan murid.
- j) Melatih murid membuat justifikasi dengan berdasarkan pengiraan yang diperoleh.



Penghargaan

PENASIHAT:

DATO' HJ. PKHARUDDIN BIN HJ. GHAZALI

PENGERUSI:

DR. MOHD AZAM BIN AHMAD

URUS SETIA:

PUAN HJH. JURaida BINTI UMAT

DR. HABIBAH BINTI MAT REJAB

DR JAIN BIN CHEE

PUAN SITI ASMAH BINTI MD YUSOF

PUAN NOR ZULAIKHA BIN CHE MAT

ENCIK HAPIZI BIN MISKAM

PUAN LAILY FAZLIN BINTI DATO SRI KHAIRIL

EDITOR:

ENCIK MOHD FATHI BIN ADNAN (KETUA EDITOR)

PUAN NORAZAH BINTI BIDI (PEN. KETUA EDITOR)

PUAN FAIZAH BINTI SAMAD

ENCIK IZZAT ISMAIL BIN IDRIS

CIK NORHAYATI BINTI YAHAYA

PUAN SUZARINA BINTI SUHOD

PANEL PENULIS:

KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 1

KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 2

KP & KPB BAHASA INGGERIS SPM KERTAS 2

KP & KPB SAINS SPM KERTAS 2

KP & KPB SEJARAH SPM KERTAS 2

KP & KPB MATEMATIK SPM KERTAS 2

KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 1

KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 2